

## **POSTER 10 (PS10)**

### **GUA DALAM BATU KAPUR BALAMBANGAN, PULAU BALAMBANGAN, SABAH**

**Kamal Roslan Mohamed & Che Aziz Ali**

Pusat Pengajian Sains Sekitaran dan Sumber Alam  
Fakulti Sains dan Teknologi  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor

#### **ABSTRAK**

Geologi Pulau Balambangan boleh dibahagikan kepada alluvium pantai dan sungai, tiga formasi batuan sedimen dan juga batuan igneus ultrabasik. Formasi batuan sedimen terdiri daripada Formasi Chert-Split, Formasi Bongaya dan Formasi Timohing. Pada zaman Miosen (sekitar 10 juta tahun dahulu) pasir dan terumbu karang telah terbentuk di sekitar laut cetek. Kumpulan endapan sedimen inilah yang membentuk Formasi Bongaya. Terumbu karang tersebut sekarang ini dipanggil Batu Kapur Balambangan yang tersingkap di bahagian selatan pulau. Batu kapur ini mempunyai banyak hidupan karang dahulu yang masih berkedudukan sepertimana ia hidup, serta pecahan dan

serpihan karang lain. Gua batu kapur adalah satu fitur penting yang ditemui dalam Batu Kapur Balambangan. Mengikut masyarakat tempatan, dalam Batu Kapur Balambangan ini terdapat lebih daripada dua puluh (20) buah gua dan empat (4) daripada gua-gua ini telah kami petakan dengan terperinci. Kebanyakan gua-gua lain masih belum diteroka dan didokumenkan. Semua gua-gua ini sangat istimewa kerana ia mempunyai formasi gua yang cantik dan unik seperti stalaktit, stalagmit, batu alir, straw dan banyak lagi. Selain itu, gua-gua ini juga mempunyai nilai saintifik yang tinggi. Jika dimusnahkan, kita semua tidak lagi boleh mewarisi warisan yang tidak ternilai ini kepada generasi yang akan datang. Walaupun banyak lagi gua-gua lain yang terdapat di Sabah, gua di Pulau Balambangan sangat istimewa kerana keindahan fitur guanya (sama ada bersaiz besar atau kecil) dan sebahagian fitur ini masih atau sedang membesar. Jadi gua-gua ini mempunyai kepentingan saintifik dan perlu dipelihara.